

28/06/1997

Premium Transmile tertinggi berbanding syarikat lain

PENDATANG baru Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Transmile Group Bhd (Transmile) yang mula disenaraikan semalam, mencatat premium menggalakkan sebanyak RM7.30 apabila ia dibuka pada RM12.50 berbanding harga tawaran RM5.20.

Premium itu adalah tertinggi berbanding premium syarikat lain yang turut disenaraikan di BSKL, sepanjang minggu.

Empat minit selepas dibuka, harganya meningkat kepada RM13.20 dan seterusnya RM14.50 pada jam 11.30 pagi. Pada akhir sesi tengah hari, Transmile ditutup pada RM14.10 dengan 4.833 juta saham diniagakan.

Pada penutup urus niaga semalam, ia ditutup pada RM13.70 dengan 5.678 juta saham bertukar tangan, selepas mencatat harga tertinggi RM14.50 dan terendah RM12.50.

Pengerusi Transmile, Mirzan Mahathir, berkata pihaknya gembira dengan premium dicatatkan kerana ia memperlihatkan keyakinan pelabur terhadap kegiatan syarikat yang terbabit secara khusus dalam penghantaran kargo udara tempatan, serantau dan antarabangsa.

Oleh itu, katanya, Transmile akan berusaha memastikan operasi dan kegiatannya ditingkatkan secara optimum pada masa depan, bagi membolehkan pemegang saham memperolehi pulangan bagi pelaburan mereka.

"Dengan kepakaran Transmile dalam penyediaan logistik dan hubungan strategik bersama Konsortium Perkapalan Bhd (KPB), membolehkannya muncul sebagai peserta utama dalam pengendalian penghantaran kargo secara bersepadu," katanya selepas penyenaian Transmile di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ialah Ketua Eksekutif Transmile, Gan Boon Aun.

Mirzan berkata, hubungan strategik dengan KPB dijangka dapat meningkatkan penguasaannya dari segi operasi dan pasaran penghantaran kargo udara di peringkat serantau, kepada kira-kira 20 peratus pada masa depan.

Oleh itu, katanya, syarikat bercadang melaksanakan sistem tepat pada masa dan meningkatkan sistem teknologi maklumat bagi penghantaran kargo bersepadu di darat, laut dan udara untuk syarikat antarabangsa.

Pada masa yang sama, Transmile juga bercadang menambah bilangan pesawat dimiliki pada masa depan berbanding daripada 11 ketika ini, bagi membolehkan perkembangan operasi penghantaran kargonya.

(END)